

**PENGGUNAAN SISTEM ‘KEPALA ASING’ DALAM INDUSTRI
PEMBINAAN**

SHahrul Azmizi bin Anas

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2007

ABSTRAK

Industri pembinaan merupakan salah satu industri yang terpenting dalam pembangunan negara. Keperluan terhadap buruh yang ramai dalam industri pembinaan adalah tidak dapat dinafikan. Ini adalah kerana buruh merupakan penggerak utama bagi sesebuah industri pembinaan tersebut. Namun begitu, hakikatnya ialah Malaysia kini sedang mengalami kekurangan tenaga buruh dan berdasarkan hasil analisis boleh dikatakan ekonomi Malaysia adalah bergantung kepada buruh asing. Kurangnya penglibatan pekerja tempatan dalam sektor pembinaan telah memberi peluang kepada pendatang asing untuk lebih maju setapak ke hadapan dengan menawarkan perkhidmatan sebagai 'kepala asing'. Kewujudan sistem 'kepala asing' ini secara tidak langsung telah mengundang pelbagai masalah terhadap industri pembinaan. Di antaranya ialah peningkatan terhadap kadar pengangguran di kalangan warga tempatan, masalah komunikasi dan pengaliran kemahiran ke luar negara. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti implikasi yang berlaku terhadap industri pembinaan akibat penggunaan sistem 'kepala asing'. Sebanyak 30 borang soal selidik telah diedarkan kepada pihak yang menggunakan perkhidmatan 'kepala asing' dan mereka ini merupakan pihak kontraktor yang memilih sistem tersebut dalam proses pengambilan buruh binaan. Hasil daripada analisis dapatlah dilihat bahawa secara realitinya, penggunaan sistem 'kepala asing' ini disambut baik oleh pihak kontraktor yang mana sebagai tujuan adalah untuk memastikan kelancaran proses pembinaan yang berterusan. Walau bagaimanapun; pihak kerajaan perlu memberi perhatian yang lebih terhadap penglibatan warga negara asing dalam sektor pembinaan agar tenaga tempatan dapat digunakan dengan sepenuhnya.

ABSTRACT

Construction industry is one of the most important industries to a development country. The numerous of labor employed in construction industry is deniable. This is due to the fact that all construction labors are known as the main activator for country development. Unfortunately what is happening now is that Malaysia is lack of manpower especially in construction industry. Additionally; based on analysis had founded that Malaysia's output/economic are more depends on the foreign labors'. Impact of lack of involvement by the local labor had gives some advantage and one step ahead to foreign workers in providing their own services and expertise which also known as "*kepala*" services. The existence of '*kepala asing*' system had indirectly inviting several of problems toward the construction industry which are such as an increasing of unemployment among the local citizen; communication problem plus skills and expertise which happened to be flow out of country. This research is done due to obtain an implication of the used of this '*kepala asing*' system in construction industry. 30 questionnaires were distributed to respondents who are among contractors especially for those who are using the '*kepala asing*' services in labor recruitment process. Based on analysis result, can be seen that in reality, the used of '*kepala asing*' system had accepted by contractors especially in ensuring that their construction process and progress is smooth and diligently. However, a serious action must be taken by the government. This is due to ensure that the involvement from the local citizen is still needed especially in construction industry.